

FEB

14



# MESYUARAT AGONG MAJLIS SUKAN PENJARA MALAYSIA 2014

## KEJOHANAN PETANQUE JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014

■ Pada 14 hingga 16 Februari 2014 telah berlangsung Kejohanan Petanque Jabatan Penjara Malaysia 2014 bertempat di Arena Petanque Padu, Dungun, Terengganu. Kejohanan anjuran Majlis Sukan Penjara Malaysia ini di kelolakan oleh Pusat Koreksional Dungun Terengganu. Sebanyak 17 Pasukan telah menyertai kejohanan tersebut. 3 Kategori acara di pertandingan iaitu Kategori Berpasukan, Kategori Bergu Terbuka Lelaki dan Kategori Bergu Terbuka Wanita. Bagi Kategori Berpasukan Pasukan Johor 'B' telah dinobatkan sebagai Johan diikuti Pasukan Kedah 'B' Naib Johan dan tempat Ketiga Bersama Pasukan Negeri Sembilan dan Pasukan Pahang 'A'. Kategori Bergu Lelaki pula Johan di ungguli oleh bergu dari Terengganu '7' disusuli Sungai Buloh '4' Naib Johan dan Ketiga Bersama Terengganu '1' dan Kajang. Manakala Kategori Bergu Terbuka Wanita pula Johan disandang oleh bergu dari Pokok Sena 'B', Naib Johan Penang 'A' dan tempat Ketiga bersama jatuh kepada Penor 'A' dan Penor 'B'. Piala Pusingan serta cenderahati telah disampaikan oleh KPj Dato' Wan Abdul Rahman Bin Abdullah, Timbalan Pengarah Penjara (Pengurusan) di iringi oleh PKP S.Gunasegaran A/L Shammugam, Pengarah Pusat Koreksional Dungun Terengganu. Turut hadir didalam majlis penyampaian hadiah ialah TKPj Ariffin Bin Mohamad Nor Timbalan Pengarah Bahagian Dasar & Kepenjaraan, Pengarah-Pengarah Penjara Zon Timur, Timbalan Ketua Polis Daerah Dungun, Pengerusi Persatuan Petanque Negeri Terengganu, Wakil Jabatan Penerangan dan Wakil Jabatan Pertahanan Awam.





## KEJOHANAN BOLASEPAK PIALA TAN SRI MURAD BIN AHMAD KALI KE-31 JABATAN PENJARA MALAYSIA TAHUN 2014

■ Penjara Simpang Renggam menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Bolasepak Piala Tan Sri Murad Ahmad Kali Ke-31 yang diadakan pada 20 hingga 22 Februari 2014. Seramai 420 pemain daripada 19 pasukan telah menyertai kejohanan tersebut. Kejohanan tersebut telah berlangsung di tiga venue kejohanan di Institut Perguruan Batu Pahat, Stadium Batu Pahat dan Kolej Vokasional Batu Pahat. Majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg. KJP Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia merangkap Yang Dipertua Majlis Sukan Penjara Malaysia telah diadakan di Stadium Batu Pahat. TKPj Tan Tian Heng, Pengarah Penjara Simpang Renggam merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan turut menyambut kehadiran tetamu yang hadir di antaranya ialah KPj Jamaludin bin Saad, Pengarah Pengurusan Banduan, KPj Haji Abd Wahab bin Haji Kassim, Pengarah Penjara Kajang, Ketua-ketua Institusi Zon Selatan, Pengarah Majlis Perbandaran

Batu Pahat dan Jabatan Pertahanan Awam Batu Pahat. Penjara Kajang (Selangor A) telah dinobatkan sebagai juara bagi Kejohanan Bolasepak Piala Tan Sri Murad Ahmad Edisi Ke-31 manakala Penjara Taiping di tempat ke dua diikuti ketiga bersama Penjara Melaka dan Penjara Sabah.



## KEJOHANAN BOLA JARING JABATAN PENJARA MALAYSIA TAHUN 2014

■ Pusat Koreksional Perlis menjadi tuan rumah Kejohanan Bola Jaring Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014 yang berlangsung pada 7 hingga 9 Mac 2014 bertempat di Dewan Utama Majlis Sukan Negeri, Kompleks Sukan Negeri Perlis. Edisi Ke 21 kali ini disertai oleh sebanyak 13 pasukan. Majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg. KPj Dato' Wan Abdul Rahman bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Pengurusan) merangkap Yang Dipertua II Majlis Sukan Penjara Malaysia. Penjaring terbanyak dimenangi oleh KIP Zilawati bt. Ab. Jalil dari pasukan Selangor 'C' dengan 123 jaringan manakala Pemain Terbaik disandang oleh Zura binti Omar dari Pasukan Selangor 'C'. Johan dimenangi pasukan Selangor 'C', Naib Johan pasukan Kedah 'B' dan Tempat Ketiga Bersama dimenangi oleh pasukan Perak 'C' dan Pulau Pinang.







## KEJOHANAN OLAHRAGA PENJARA MALAYSIA 2014

Kejohanan Olahraga Jabatan Penjara Malaysia 2014 telah berlangsung selama 3 hari bermula dari 28 hingga 30 Mac 2014. Kejohanan sukan yang diadakan secara dwi tahunan ini telah dikelolakan oleh Institusi Pemulihan Dadah, Jabatan Penjara Malaysia, Jelevu, Negeri Sembilan bertempat di SMK Za'aba, Kuala Pilah yang juga merupakan sekolah sukan terulung di negeri ini.

Sebanyak 16 kontinjen mewakili seluruh institusi penjara Malaysia dan 216 atlet menyertai kejohanan ini melibatkan 30 acara balapan dan padang. Turut membantu mejayakan kejohanan ini ialah Persatuan Olahraga Amatur Negeri Sembilan (POANS) yang bertanggungjawab dari aspek teknikal bagi semua acara yang dipertandingkan.


Majlis Perasmian Pembukaan kejohanan ini telah disempurnakan oleh Pengarah Institusi Pemulihan Dadah, Jabatan Penjara Malaysia, Jelevu, Penolong Komisioner Penjara Mohd Andri Bin Hj. Mohd Ridzwan yang juga bertindak sebagai Pengerusi jawatankuasa penganjur kejohanan. Sepanjang kejohanan ini berlangsung, sebanyak 9 rekod baru telah berjaya diperbaharui.

Pada kejohanan kali ini, Yoganeswaran a/l Muniandy dari Perak B telah muncul sebagai Olahragawan manakala Olahragawati disandang oleh Tetty Nurazzura Tasnim bt. Abdullah dari Kedah A. Pemenang bagi kategori Kontinjen Komited telah disandang oleh Kontinjen Pulau Pinang manakala Kontinjen Sabah pula berjaya merangkul Perbarisan Terbaik dan Johan Keseluruhan kejohanan.

Pada 30 Mac 2014 telah berlangsungnya Majlis Perasmian Penutupan kejohanan yang disempurnakan oleh YBhg. KJP Dato' Sri Hj. Zukifli Bin Hj. Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia, merangkap Yang DiPertua Majlis Sukan Penjara Malaysia. Di dalam ucapan penutupan, beliau melahirkan rasa gembiranya di atas kejayaan Institusi Pemulihan Dadah, Jabatan Penjara Malaysia, Jelevu mengelola kejohanan ini serta berpuas hati dengan komitmen, disiplin dan prestasi cemerlang yang ditunjukkan oleh semua kontinjen yang mengambil bahagian. Beliau juga turut mengumumkan bahawa negeri Sabah telah dipilih sebagai tuan rumah baru Kejohanan Olahraga Jabatan Penjara Malaysia pada tahun hadapan serentak dengan berlangsungnya Kejohanan Asean Prison yang akan diadakan di Jakarta, Indonesia pada 2015.

## KEJOHANAN GOLF JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014 DI BERJAYA HILLS GOLF & COUNTRY CLUB

Penjara Penor Pahang telah menerima tanggungjawab sebagai tuanrumah bagi Kejohanan Golf Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014 yang telah diadakan pada 12 -13 April 2014 di Berjaya Hills Golf & Country Club Bukit Tinggi, Bentong Pahang. Kejohanan turut disertai oleh YBhg. Dato' Alwi bin Hj. Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan( Keselamatan) Kementerian Dalam Negeri. YBhg. Komisioner Dato' Wan Abdul Rahman bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Penjara( Pengurusan) merangkap Naib Yang di-Pertua II Majlis Sukan Penjara Malaysia turut bersama-sama di dalam kejohanan ini yang mengumpulkan seramai 120 orang pemain golf Jabatan. Pasukan Johor A telah diistiharkan sebagai Johan manakala Naib Johan disandang oleh pasukan Selangor C dan tempat ke tiga Melaka dan Perak C.







## KEJOHANAN TEN PIN BOLING BERPASUKAN JABATAN PENJARA MALAYSIA KALI KE - 12 TAHUN 2014

■ Pada 25 hingga 27 April 2014 bertempat di Ole-Ole Super Bowl Mydin Meru, Ipoh telah berlangsungnya Kejohanan Ten Pin Boling Berpasukan Jabatan Penjara Malaysia Kali Ke-12 bagi Tahun 2014 yang dikelolakan oleh Institusi Penjara Tapah. Kejohanan ini telah disertai oleh institusi penjara di seluruh Malaysia yang mewakili zon masing-masing seperti Zon Utara, Zon Utara II, Zon Tengah, Zon Timur, Zon Selatan dan tidak ketinggalan para peserta daripada institusi Sabah dan Sarawak. Mesyuarat Pengurus-Pengurus Pasukan dan sesi taklimat telah dipengerusikan oleh PKK Abdul Halim Bin Ma Hasan, Pengarah Penjara Tapah merangkap Pengerusi Pengelola Kejohanan. Majlis perasmian dilakukan oleh TKPj Ibrism Bin Abdul Rahman,



Pengarah Maktab Penjara Malaysia merangkap Pegawai Sukan Penjara Malaysia. Majlis penyampaian hadiah dan penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg. KPj Dato' Wan Abdul Rahman Bin Abdullah, Timbalan Ketua

Pengarah Penjara (Pengurusan) selaku Naib Yang Dipertua (II) Majlis Sukan Penjara Malaysia. Johan keseluruhan bagi pertandingan ini dimenangi oleh Pasukan Perlis, Naib Johan Pasukan Perak C manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan Melaka.



## KEJOHANAN PING PONG JABATAN PENJARA MALAYSIA KE 8 TAHUN 2014

■ Kuching, Sebanyak 20 pasukan daripada seluruh institusi Penjara Malaysia telah menyertai Kejohanan Ping Pong Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014 yang bermula pada 9 hingga 11 Mei 2014 bertempat di Kompleks Belia dan Sukan Kuching, Sarawak. Majlis perasmian pembukaan kejohanan telah dibuat oleh TKPj Abd. Kadir bin Rais, Pengarah Penjara Negeri Sarawak pada 09 Mei 2014. Keputusan perlawanan Perseorangan Terbuka Wanita jatuh kepada Puan Poh Soh Lee (Sarawak), Perseorangan Terbuka Lelaki dimenangi oleh WP Abdul Karim bin Mohamad (Johor B), Kategori Bergu Terbuka Lelaki dimenangi oleh TPP Halim Ibrahim bersama Mohamad bin Talib (Selangor C) manakala Kategori Beregu VIP diungguli oleh pasangan YBhg. Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar bersama TPP Halim Ibrahim (Selangor C). Pasukan Selangor C mengekalkan kejuaraan bagi acara berpasukan bagi Edisi Ke-8 ini. Majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia







MEI  
23



JUN  
6



## KEJOHANAN PERMAINAN TRADISIONAL JABATAN PENJARA MALAYSIA TAHUN 2014

■ 23 hingga 25 Mei 2014, Kompleks Ibu Pejabat Penjara Malaysia yang terdiri daripada Ibu Pejabat Penjara Malaysia, Penjara Kajang, Maktab Penjara Malaysia dan Penjara Wanita Kajang telah menjadi tuan rumah kepada penganjuran Kejohanan Permainan Tradisional Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014. Sebanyak 15 pasukan melibatkan seramai 180 peserta telah mengambil bahagian di dalam beberapa acara sukan seperti Sepakraga Ratus, Congkak, Batu Seremban, Dam Aji dan Menyempit Sasaran. Majlis penyampaian hadiah dan perasmian penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh YBhg.Komisioner Jeneral Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar, Ketua Pengarah Penjara Malaysia merangkap Yang DiPertua Majlis Sukan Penjara Malaysia. Turut hadir YBhg.Dato' Wan Abdul Rahman bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Penjara (engurusan) serta Pengarah Bahagian dan Ketua Institusi Zon Tengah. Keputusan kejohanan adalah seperti berikut:-

### Congkak

Johan : Selangor C  
Naib Johan : Pahang A  
Ke tiga bersama : Melaka dan Johor A



### Sepakraga ratus

Johan : Selangor A  
Naib Johan : Melaka  
Ke tiga : Selangor B

### Batu Seremban

Johan : Pulau Pinang  
Naib Johan : Johor C  
Ke tiga bersama : Melaka dan Selangor A



### Dam Aji

Johan : Kedah A  
Naib Johan : Melaka  
Ke tiga bersama: Johor B dan Selangor A

### Menyempit sasaran

Johan : Mohamad Yahud (Pulau Pinang)  
Naib Johan : Warner Anak Sikat (Sarawak)  
Ke tiga : Mohd Ishak Ahmad (Pulau Pinang)



### Pemenang keseluruhan

Johan : Pulau Pinang  
Naib Johan : Selangor A  
Ke tiga : Melaka



## PROGRAM EKSPEDISI GUNUNG BINTANG, SEDIM, KULIM, KEDAH

■ Penjara Sungai Petani telah menjadi tuanrumah bagi Program Ekspedisi Gunung Bintang anjuran Majlis Sukan Penjara Malaysia pada 6 hingga 8 Jun 2014. Seramai 55 orang peserta telah mengambil bahagian. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh TKPj Hj. Kushairi bin Manap, Pengarah Penjara Pokok Sena, Kedah.





## PROGRAM DERMA DARAH, PEMERIKSAAN KESIHATAN DAN PAMERAN DENGAN KERJASAMATABUNG DARAH NEGARA DAN PUSAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT

■ 28 Ogos 2014 - Program Derma Darah, Pemeriksaan Kesihatan dan Pameran dengan kerjasama Tabung Darah Negara dan Pusat Kesihatan Daerah Hulu Langat telah diadakan di Mess Ibu Pejabat Penjara Malaysia. Seramai 151 orang kakitangan daripada Ibu Pejabat serta institusi berhampiran seperti Penjara Kajang, Penjara Wanita Kajang, Penjara Sungai Buloh dan Penjara Jelevu telah menyertai program ini yang telah berjaya mendapatkan seramai 85 penderma darah.







## KEJOHANAN FUTSAL JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014

■ Pada 12-13 September 2014 Institusi Sekolah Henry Gurney Melaka telah menjadi tuan rumah bagi Kejohanan Futsal Jabatan Penjara Malaysia 2014. Seramai 246 peserta dari 18 pasukan telah menyertai kejohanan pada kali ini yang telah diadakan di Dewan Serbaguna Kompleks Komuniti Negeri Melaka.

Majlis perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh PKP Lim Kim Mooi, Pengarah SHG Telok Mas manakala Majlis Perasmian Penutupan dan Penyampaian Hadiah telah disempurnakan oleh KPj Haji Abdul Wahab bin Haji Kassim, Pengarah Penjara Kajang, Majlis ini turut dihadiri PKK Hamzani bin Che Berahim, Pengarah Penjara Marang merangkap Exco Majlis Sukan Penjara Malaysia serta Ketua-ketua Institusi Zon Selatan. Keputusan perlawanan kali ini, Pasukan Selangor A muncul sebagai johan diikuti Naib Johan Pasukan Kelantan B dan Tempat ke tiga bersama, Perak A dan Johor C. Mohd Hafiz bin Ibrahim dari Pasukan Kelantan B telah dipilih sebagai Pemain Terbaik dan juga turut memenangi hadiah sebagai Penjaring Terbanyak Kejohanan Futsal Penjara Malaysia Tahun 2014.



## KEJOHANAN SEPAK TAKRAW JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014

■ Kota Kinabalu, 12 Oktober 2014; Kejohanan Sepak Takraw Jabatan Penjara Malaysia 2014 kelolaan Ibu Pejabat Penjara Sabah, telah diadakan di Kompleks Sukan Likas yang disertai 13 pasukan. Kejohanan ini diadakan pada 10-12 Oktober 2014.

Dalam kejohanan kali ini, seramai 10 pengadil Kelas 1 dan 2 daripada Persatuan Sepak Takraw Sabah terlibat sebagai pengadil sepanjang kejohanan ini berlangsung.

Perlawanan akhir, menyaksikan Melaka merangkul gelaran Juara Acara Berpasukan dengan menumpaskan pasukan Selangor A (Penjara Kajang). Bagi Acara Regu Terbuka pula, pasukan Selangor A (Penjara Kajang) muncul Juara apabila menewaskan Pasukan Melaka. Naib Johan acara berpasukan ialah Selangor A dan Ketiga bersama ialah Sabah dan Sarawak. Bagi Acara Regu Terbuka pula tempat Ketiga bersama ialah pasukan Sabah 2 dan Johor A.

Y.B. Datuk Louis Rampas, Pengerusi Lembaga Sukan Sabah telah merasmikan majlis penutupan tersebut yang diadakan di Kompleks Sukan Likas Kota Kinabalu. Turut serta dalam majlis tersebut ialah Pengarah Penjara Negeri Sabah, TKPj AB Basir Bin Mohamad serta Ketua-ketua Institusi Zon Sabah.







## KEJOHANAN BOLA TAMPAR JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014

■ 19 Oktober 2014; Penjara Sungai Buloh menjadi tuan rumah Kejuhanan Bola Tampar Jabatan Penjara Malaysia 2014 anjuran Majlis Sukan Penjara Malaysia yang telah diadakan bertempat di Dewan Bola Tampar MBSA Seksyen 19 Shah Alam. Kejuhanan yang telah diadakan pada 17-19 Oktober 2014 ini disertai oleh sebanyak 14 Pasukan. Kejuhanan kali ini mendapat kerjasama teknikal daripada Persatuan Bola Tampar Negeri Selangor. Perlawanan akhir, menyaksikan Selangor C (IPPM) merangkul gelaran Juara dengan menumpaskan pasukan Negeri Sembilan manakala tempat ke tiga bersama dimenangi oleh pasukan Kelantan B dan Selangor A. Majlis perasmian penutupan kejuhanan disempurnakan oleh TKPj Narander Singh, Pengarah Penjara Sungai Buloh merangkap Exco Majlis Sukan Penjara Malaysia. Majlis turut dihadiri wakil daripada Ibu Pejabat Penjara Malaysia iaitu TKPj Abdul Aziz Bin Mohamad serta wakil dari Institusi Zon Tengah.



## KEJOHANAN TARIK TALI TERBUKA PENJARA MALAYSIA TAHUN 2014

■ Majlis Sukan Penjara Malaysia telah menganjurkan Pertandingan Tarik Tali Terbuka Penjara Malaysia 2014 sempena menyambut Hari Ulang Tahun Jabatan Penjara Malaysia Ke 224 pada 9 November 2014. Majlis Sukan mengambil tanggungjawab ini sebagai salah satu daripada sumbangan bagi memeriahkan sambutan hari ulang tahun tersebut sebagai pendekatan jabatan ke arah Memasyarakatkan Penjara dengan menghubungkan jalin aspirasi bersama ke arah mensejahterakan masyarakat bersesuaian dengan tema sambutan "Transformasi Berjaya, Masyarakat Sejahtera". Disamping itu, adalah diharapkan program ini dapat meningkatkan keyakinan diri dan mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan kakitangan jabatan bersama orang awam. Sebanyak 27 pasukan telah menyertai kejuhanan kali ini. Lapan pasukan ke peringkat suku akhir ialah Anak Bapa Junior (Penjara Kajang), Jagindas, PDRM, MBSA, Jentayu, Semut Tanggo (Penjara Sungai Buloh), FRU dan Penjara Penor. Johan dimenangi oleh pasukan PDRM, tempat ke dua Jentayu dan tempat ke tiga Jagindas. Kejuhanan ini mendapat sokongan teknikal daripada Persatuan Tarik Tali Malaysia.







## KEJOHANAN FESTIVAL KESENIAN JABATAN PENJARA MALAYSIA 2014

■ Penjara Bentong Pahang telah menjadi tuanrumah bagi penganjuran Kejuhanan Festival Kesenian Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014 anjuran Majlis Sukan Penjara Malaysia yang telah diadakan mulai 20 hingga 23 November 2014 bertempat di Dewan Perdana Penjara Bentong. Pada majlis makan malam serentak turut dijalankan acara pertandingan kugiran dan seterusnya penyampaian hadiah dan penutupan majlis telah disempurnakan oleh YH Dato' Haji Abdul Aziz bin Abdul Razak, Pengarah Penjara Bentong, Pahang. Sebanyak 5 kategori dipertandingkan iaitu Tarian Rampaian Tradisional, Nyanyian Lagu Asli ( Lelaki & Wanita ), Nyanyian Lagu Moden ( Lelaki & Wanita ) dan Pertandingan Kugiran. Juri yang mengadili semua kategori ialah dari Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara, Pahang. Keputusan penuh Kejuhanan Festival Kesenian Jabatan Penjara Malaysia Tahun 2014 adalah seperti berikut :-

### TARIAN TRADISIONAL RAMPAIAN

Johan - Kumpulan Seri Dewi Kasturi ( Penjara Seberang Perai, Pulau Pinang )

Naib Johan - Kumpulan Sanggar Emas ( Penjara Bentong, Pahang )

Ketiga - Kumpulan Satria Sari ( Penjara Bentong, Pahang )



### NYANYIAN LAGU ASLI ( LELAKI )

Johan - Ahmad Zaidy bin Mustapha ( Penjara Pokok Sena, Kedah )

Naib Johan - Md Senin bin Abd Wahab ( SHG Telok Mas, Melaka )

Ketiga - Md Yatim bin Md Jedi ( SHG Telok Mas, Melaka )

Keempat - Mohd Khairul bin Yem ( Penjara Pokok Sena, Kedah )

Kelima - Mahadzir bin Saidin ( Penjara Alor Setar, Kedah )

### NYANYIAN LAGU MODEN ( LELAKI )

Johan - Mohd Irwan bin Jahri ( Penjara Bentong, Pahang )

Naib Johan - Ahmad Fuad bin Shamsuri ( Penjara Simpang Renggam, Johor )

Ketiga - Syahrul Iqmal bin Idrus ( Penjara Taiping, Perak )

Keempat - Mohd Khazafi bin Jamal Abd Nassir ( Penjara Sg. Buloh, Selangor )

Kelima - Izali Yazeed bin Ismail

### NYANYIAN LAGU MODEN ( WANITA )

Johan - Nornita binti Abdul Rahman ( Penjara Pokok Sena, Kedah )

Naib Johan - Nurul Nadia binti Mohd Pakri ( Penjara Pengkalan Chepa, Kelantan )

Ketiga - Norhatini binti Mansor ( Penjara Kajang, Selangor )

Keempat - Rafidah binti Mat Sehor ( Penjara Bentong, Pahang )

Kelima - Normalawati binti Mat Hashim ( Penjara Bentong, Pahang )

### PERTANDINGAN KUGIRAN

Johan - Kumpulan D'PAGAS ( Penjara Bentong, Pahang )

Naib Johan - Kumpulan Taming Sari ( Penjara Taiping, Perak )

Ketiga - Kumpulan 3D's ( Penjara Alor Setar, Kedah )

Keempat - Kumpulan Prison Stone ( Penjara Simpang Renggam, Johor )

Kelima - Kumpulan New Dimension ( Penjara Seremban, Negeri Sembilan )

### HADIAH KHAS JURI

Pemain Gitar Terbaik - Ahmad Muzaffar bin Razali ( Penjara Bentong, Pahang )

Pemain Bass Terbaik - Zulkifli bin Ayob ( Penjara Alor Setar, Kedah )

Pemain Drum Terbaik - Mohd Kamil bin Sulaiman ( Penjara Taiping, Perak )

Pemain Keyboard Terbaik - Hatta Norazmi bin Dahlan @ Dahli ( Penjara Simpang Renggam, Johor )

Vokal Terbaik - Mahadzir bin Saidin ( Penjara Alor Setar, Kedah )







## MESYUARAT AGUNG MAJLIS SUKAN PENJARA MALAYSIA SESI 2013-2014

■ 13 Disember 2013, Mesyuarat Agung Majlis Sukan Penjara Malaysia Sesi 2013-2014 yang melibatkan Yang Dipertua Kelab-Kelab Sukan dan Kebajikan institusi Jabatan Penjara Malaysia telah dipengerusikan oleh Yang Setia KPj Wan Abdul Rahman bin Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Penjara (Pengurusan) merangkap Naib Yang Dipertua II Majlis Sukan Penjara Malaysia di Dewan Mahsuri, Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi.

Mesyuarat adalah bagi pemilihan dan perantukan baru Exco MSPM bagi sesi 2013-2014. Pengurusan tertinggi Jabatan, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua barisan Exco Majlis Sukan Penjara Malaysia yang telah memberikan komitmen dalam menjayakan pengurusan Majlis Sukan Penjara Malaysia sepanjang tempoh Sesi 2012-2013.

Syabas dan tahniah di atas kejayaan Pasukan Penjara Negeri Sembilan yang diwakili oleh gabungan pasukan daripada Penjara Seremban, Penjara Jelebu, Parol Negeri Sembilan dan PPP Kem Sirajuddin Gemas yang mengungguli kejohanan Majlis Sukan Penjara Malaysia bagi Tahun 2013.

### JAWATANKUASA KERJA MAJLIS SUKAN PENJARA MALAYSIA SESI 2013-2014

#### **YANG DIPERTUA**

YBhg. KJP Dato' Sri Haji Zulkifli bin Omar

#### **NAIB YANG DIPERTUA I**

YBhg. TKJP Dato' Hj. Hassan bin Sakimon

#### **NAIB YANG DIPERTUA II**

YS. KPj Wan Abdul Rahman bin Abdullah

#### **SETIAUSAHA KEHORMAT**

[Perlantikan oleh YDP}

#### **PENOLONG SETIAUSAHA**

[Perlantikan oleh YDP}

#### **BENDAHARI KEHORMAT**

En Mat Hassan bin Mat Esa

#### **PENOLONG BENDAHARI**

[Perlantikan oleh YDP}

#### **AHLI-AHLI**

1. Encik Nik Ahmad Zaki bin Nik Ismail
2. TKPj Nordin bin Mohamad
3. TKPj Hj. Darussalam bin Hj Budin
4. TKPj Narander Singh a/l Chand Singh
5. TKPj Haji Zawawi bin Ab. Rahim
6. TKPj Tan Tian Heng.
7. TKPj Haji Ab. Basir bin Mohamad [Penjara Sabah]
8. TKPj Abdul Kadir bin Hj Rais [Penjara Sarawak]
9. PKK Hamzani bin Che Berahim
10. PKK Kausalya Devi a/p Sathoo

#### **JURU AUDIT DALAM**

Puan Salma bt Sulaiman  
Encik Ahmad bin Mat Zain

